



## SIARAN MEDIA

### **PLUS LABUR RM700,000 JADIKAN R&R MACHAP (ARAH UTARA) SEBAGAI R&R PERTAMA MENGGUNAKAN SISTEM SOLAR FOTOVOLTA DI MALAYSIA**

**MACHAP, JOHOR – 25 April 2019:-** PLUS Malaysia Berhad (PLUS) melaburkan kira-kira RM700,000.00 untuk menjadikan R&R Machap (Arah Utara) sebagai R&R pertama di Malaysia yang menggunakan tenaga solar. Sistem Solar FotoVolta di R&R merupakan salah satu lagi pendekatan dan inovasi syarikat ini memperluaskan Teknologi Hijau dalam usaha memulihara alam sekitar demi kesejahteraan rakyat.

Pengerusi PLUS, Tan Sri Dato' Mohd Sheriff Mohd Kassim berkata, "Sistem solar fotovolta membekalkan tenaga untuk R&R Machap (Arah Utara) di mana ia dijana secara semulajadi sebagai sumber tenaga alternatif."

Inisiatif ini adalah sebahagian daripada usaha Pelan Halatuju Hijau PLUS (Green Roadmap) untuk memperluaskan Teknologi Hijau dan menyokong Saranan Kerajaan untuk memulihara alam sekitar melalui penggunaan tenaga sumber boleh baharu.

Direka dengan kapasiti sebanyak 182 kWp (kilowattpeak), sistem solar fotovolta ini telah mula beroperasi sejak Oktober tahun lalu.

"Sejak sistem solar ini diperkenalkan, ia berjaya membantu PLUS untuk membuat penjimatan penggunaan tenaga elektrik sebanyak 51 peratus di R&R ini," tambah Sheriff.

Selain itu, penggunaan sistem solar fotovolta yang dijanakan oleh sumber semulajadi ini lebih mesra alam kerana ia secara langsung dapat mengurangkan pelepasan gas karbon dioksida dan membantu mengurangkan tahap penipisan lapisan ozon. Sejak Oktober tahun lalu juga, penggunaan sistem solar fotovolta ini juga telah mencatatkan pengurangan pelepasan gas karbon dioksida sebanyak 77 metrik ton.

Panel sistem solar fotovolta telah dipasang di bahagian bumbung R&R Machap (Arah Utara) yang melibatkan kawasan parker bas, ruang pejalan kaki serta ruang medan selera.

PLUS juga merancang untuk memperluaskan penggunaan sistem solar fotovolta di 10 kawasan rehat dan rawat yang lain seperti Restoran Jejantas Sungai Buloh, Restoran Jejantas Ayer Keroh, R&R Dengkil (Arah Utara dan Selatan), R&R Gurun (Arah Utara dan Selatan), R&R Gunung Semanggol (Arah Selatan), R&R Tapah (Arah Utara dan Selatan) dan R&R Ayer Keroh (Arah Utara) dalam tempoh 5 tahun yang akan datang.

"Inovasi dan pendekatan ini selaras dengan matlamat PLUS dalam memberikan pengalaman perjalanan di lebuhraya yang lebih positif dan intuitif kepada orang ramai menerusi teknologi dan inovasi. Terdahulu, PLUS telah melancarkan Stesen Pengecas Kenderaan Elektrik berasaskan tenaga solar yang pertama di Malaysia di Restoran Jejantas Ayer Keroh (Arah Selatan) pada Disember tahun lalu," jelas Sheriff.

Yang Berhormat Baru Bian, Menteri Kerja Raya yang hadir merasmikan majlis hari ini turut menyuarakan pendapat bahawa kaedah ini adalah berasaskan konsep dan prinsip pembangunan lestari secara berterusan. Beliau percaya pelbagai langkah dan inisiatif perlu diambil oleh semua pihak dalam usaha untuk mengekalkan kemampanan Teknologi Hijau agar dapat memberi manfaat jangka panjang kepada semua pengguna lebuhraya. Selain itu, beliau juga menyeru kepada syarikat konsesi lebuhraya yang lain untuk sama-sama mencuba membangunkan teknologi hijau di lebuhraya masing-masing agar dapat membantu melestarikan alam sekitar dengan lebih luas untuk manfaat bersama.

Turut hadir pada majlis tersebut adalah Pengerusi PLUS Malaysia Berhad, Tan Sri Datuk Mohd Sherif Mohd Kassim; Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, Datuk Abdul Razak Jaafar; Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia, Dato' Sr. Aziz Abdullah dan Pengarah Urusan PLUS, Datuk Azman Ismail.

- TAMAT -

### **Berkenaan PLUS Malaysia Berhad (PLUS)**

PLUS Malaysia Berhad (PLUS) merupakan syarikat konsesi lebuhraya bertol terbesar di Malaysia dan salah satu yang terbesar di Asia Tenggara. PLUS mengendalikan Lebuhraya Utara Selatan, Lebuhraya Baru Lembah Klang (NKVE), Lebuhraya Seremban-Port Dickson (SPDH), Lebuhraya Utara-Selatan Lingkaran Tengah (ELITE), Lebuhraya Lintasan Kedua Malaysia-Singapura (Linkedua), Lebuhraya Butterworth-Kulim (BKE) dan Jambatan Pulau Pinang.

PLUS turut mengendalikan 24 buah kawasan rehat dan rawat (R&R), 26 buah hentian sebelah dan 4 buah restoran jejantas yang dilengkapi pelbagai kemudahan untuk pelanggan lebuhraya seperti medan selera, tandas awam, surau, mesin ATM, wakaf, kawasan meletak kenderaan dan lain-lain lagi. Dengan memberi penekatan terhadap keselamatan, PLUS juga menyediakan perkhidmatan bantuan kecemasan PLUS Ronda 24-jam untuk memberi bantuan kepada pelanggan dan meningkatkan tahap keselamatan di lebuhraya.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.plus.com.my](http://www.plus.com.my).

### **HUBUNGI KAMI:-**

<b>Syed Mohammed Idid</b> Ketua Komunikasi Korporat & Perhubungan Komuniti PLUS Malaysia Berhad Tel: 03-7666 4646 Tel Bimbit : 012-378 2728 Emel: syedidid@plus.uemnet.com	<b>Iskandar Dzul kifli</b> Timbalan Pengurus Kanan Komunikasi Korporat & Perhubungan Komuniti PLUS Malaysia Berhad Tel: 03-7666 4630 Tel Bimbit : 019-271 0280 Emel: iskandar@plus.uemnet.com	<b>Kamarul Adlan</b> Timbalan Pengurus Kanan Komunikasi Korporat & Perhubungan Komuniti PLUS Malaysia Berhad Tel: 03-7666 4628 Tel Bimbit : 017-333 0831 Emel: kamarul@plus.uemnet.com
---	--	---